

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

WAWANCARA BERSAMA LANS KOPERAL MOHD ZARIMAN BIN IBRAHIM,
MENEKENAI PENGALAMAN BELIAU SEMASA MENYERTAI OPERASI DAULAT
DI LAHAD DATU SABAH

2013



FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

18500 MACHANG, KELANTAN

OLEH :

HUDA BINTI ABDUL RAHMAN

NOOR AINURIZAL BINTI MOHD ADNAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNYA, dapat kami siapkankan projek kami ini dengan jayanya. Di harapkan agar projek kami ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat. Pertama sekali, penghargaan kami sudah tentulah kepada Encik Mohd Zariman Bin Ibrahim, anggota polis yang tercedera ketika menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu Sabah, kerana kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam keselamatan dan pertahanan negara. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Kami juga ingin sekali mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Mohd Idzwan bin Mohd Salleh, pensyarah kami untuk subjek ini, Documenting Oral Tradition (IMR 603) dengan usaha yang telah beliau berikan, memberikan kami nasihat dan mengajar kami cara-cara untuk membuat dan menyiapkan kerja projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau kami pasti menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini.

Disamping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan semangat dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih

Huda Bt Ab Rahman

2010748593

Noor Ainurizal Bt Mohd Adnan

2010150271

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi Kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata dan Profil Peribadi Tokoh	iv
Transkrip Wawancara	1 - 27
Rujukan	28
Senarai Soalan Wawancara	29 - 35
Log Wawancara	36 - 39
Indeks	40 - 41
Lampiran-Lampiran	
Perjanjian Tokoh	
Dokumen Berkaitan	
Gambar Peristiwa / Wawancara	
CD / DVD Wawancara	

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi maklumat wawancara bersama Lans Koperal Mohd Zariman Bin Ibrahim. Beliau adalah salah seorang anggota polis yang tercedera ketika menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu Sabah. Wawancara ini dijalankan di Universiti Teknologi Mara cawangan Kelantan. Sesi wawancara bersama Lans Koperal Mohd Zariman ini telah dijalankan pada hari Khamis, 23 Mei 2013 pada pukul 4.30 petang. Temubual ini adalah berkaitan tentang latar belakang Lans Koperal Mohd Zariman dan pengalaman beliau ketika menyertai operasi menentang pengganas Sulu di Lahad Datu. Terdapat pelbagai pengalaman yang beliau ceritakan seperti ketika persediaan menyertai operasi itu, suasana di lokasi pertempuran serta pengalaman beliau terkena tembakan oleh pengganas. Ketika temuramah ini berlangsung, sedikit sebanyak dapat dibayangkan bagaimana situasi ketika operasi itu dijalankan. Di samping itu juga temuramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran tentang bagaimana pihak berkuasa Malaysia menangani puak pengganas dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan Negara.*

Kata kunci: *Lans Koperal Mohd Zariman Bin Ibrahim, Operasi Daulat, Lahad Datu, pengganas Sulu*

BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1.	Nama Penuh:	Mohd Zariman Bin Ibrahim
2.	Alamat Surat-Menyurat:	Kg. Buloh Melintang, Kangkong, 17040 Pasir Mas, Kelantan
3.	Tarikh lahir:	27.10.1982
4.	Jantina:	Lelaki
5.	Bangsa:	Melayu
6.	Pendidikan (Rendah dan Menengah)	: Rendah: Sek. Keb. Kangkong Menengah: Sek. Men. Kangkong
7.	Keluarga :	Anak ke-2 dari 9 orang adik beradik
8.	Hobi:	Bermain badminton
9.	Kerjaya:	Anggota Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA)
10.	Sumbangan:	Menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu, Sabah

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Lans Koperal Mohd Zariman bin Ibrahim mengenai pengalaman beliau semasa menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu, Sabah. Rakaman ini telah dijalankan di UiTM Machang bertarikh 23 Mei 2013 pada jam 4.30 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Huda binti Ab Rahman dan Noor Ainurizal binti Mohd Adnan. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Penunjuk

HAR – Huda Abdul Rahman

MZI – Mohd Zariman Ibrahim

NAMA – Noor Ainurizal Mohd Adnan

Bahagian A - soalan latar belakang tokoh

HAR : Assalamualaikum, encik apa khabar?

MZI : Walaikumussalam khabar baik.

HAR : Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang diri encik, encik ceritakan nama penuh, umur, pekerjaan dan jawatan serta asal.

MZI : Ok, nama penuh saya Mohd Zariman Bin Ibrahim. Saya berumur tiga puluh satu tahun. Pekerjaan...sebagai anggota Polis Di Raja Malaysia cawangan Pasukan Gerakan Am (PGA). Jawatan saya dalam cawangan PGA adalah Konstabel Infantri. Saya berasal dari Kampung Buloh Melintang, Kangkong, Pasir Mas, Kelantan.

HAR : Encik biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu bapanya. Adakah itu

mempengaruhi kejaya encik dalam bidang polis ini?

MZI : Iya, kejayaan hidup seseorang anak memang berkait rapat dengan didikan dan galakan daripada ibu bapa. Biasanya didikan yang betul dan sempurna dapat membentuk sahsiah diri dan keperibadian tinggi serta menjadi insan yang berdisiplin dan akan berjaya dalam kehidupannya. Galakan dari ibu bapa juga secara langsung dapat memberi keyakinan dan semangat pada anak-anak untuk lebih berjaya dalam apa jua bidang kejaya yang diceburinya. Selain dari didikan dan galakan, antara faktor lain yang mempengaruhi kejayaan hidup seseorang anak adalah keber...keberkatan doa...iringan doa kedua ibu bapa kita. Dalam pada itu juga...antara faktor lain adalah usaha diri sendiri. Tanpa usaha yang gigih, azam dan semangat yang tinggi, kita tidak akan mudah mencapai kejayaan.

HAR : **Saya setuju dengan kenyataan encik itu. Encik, adik beradik encik ada berapa orang?**

MZI : Adik beradik saya berjumlah 9 orang.

HAR : **Oh ramai jugak. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang adik beradik encik?**

MZI : Boleh...saya anak yang kedua dari sembilan orang adik beradik. Dari jumlah sembilan orang itu, adik beradik lelaki adalah seramai tujuh orang, manakala adik beradik perempuan, seramai dua orang sahaja.

HAR : **Kalau encik tidak keberatan, boleh encik ceritakan macam mana kehidupan keluarga encik? Senang atau susah?**

MZI : Oh...sebagai masyarakat yang tinggal di luar kawasan bandar...majoriti penduduk di kawasan saya, menceburi sektor pertanian, penternakan, perusahaan kecil dan sekarang ini ramai juga terlibat dengan sektor swasta. Jadi secara puratanya pendapatan masyarakat adalah berpendapatan sederhana. Begitu juga dengan keluarga saya, kami tergolong dalam golongan berpendapatan sederhana. Sudah lumrah kehidupan, ada masanya kita susah dan ada masanya kita senang.

HAR : Encik, apa pendapat encik tentang kehidupan encik sekarang dengan waktu encik kecil dulu?

MZI : Pada pendapat saya, kehidupan sekarang berbanding dengan kehidupan sewaktu kecil dulu tidak banyak bezanya, yang berubah hanyalah persekitaran dan infrastruktur. Seiringan dengan perubahan zaman dan peningkatan teknologi, kehidupan pada hari ini secara amnya lebih baik berbanding waktu kita kecil-kecil dulu.

HAR : Encik, adakah encik suka dengan kehidupan kanak-kanak encik dulu?

MZI : Ya, sememangnya saya sangat menyukai kehidupan sewaktu zaman kanak-kanak dulu...kerana bermula dari saat itulah kita mula menjalani pembelajaran dalam hidup. Ia mengandungi suka duka, hilai tawa dan pelbagai kenangan pahit dan manis.

HAR : Kalau encik tidak keberatan, bolehkah encik ceritakan kenangan waktu kecil yang masih dalam ingatan encik?

MZI : Kenangan waktu kecil... yang masih dalam ingatan saya...masih banyak lagilah yang saya ingat. Sinonim dengan kehidupan kanak-kanak yang tinggal di kawasan kampung, saya selalu menjalani aktiviti-aktiviti dan permainan-permainan kanak-kanak kampung. Antaranya adalah saya selalu pergi ke bendang, sawah padi...untuk menolong nenek dan datuk bercucuk tanam padi...selalu pergi menangkap ikan laga di kawasan kolam, err...suka bermain layang-layang...sering memancing dan sering mandi di sungai dan macam-macam lagi.

HAR : Wah! Macam menyeronokkan bunyinya. Cik [encik], sebenarnya apakah cita-cita encik waktu encik kecil dulu?

MZI : Sebenarnya cita-cita saya sewaktu kecil dulu...adalah...apabila saya sudah dewasa nanti, saya mahu jadi seorang pendidik atau pegawai perbankan atau pegawai kewangan, tapi... semua itu hanyalah cita-cita sahaja kerana bila dah dewasa rezeki saya rupa-rupanya dibidang yang lain...iatu sebagai anggota polis. Jadi...pendek kata cita-ciata sewaktu kecil dulu hanya tinggal kenangan.

HAR : Oh begitu...Adakah encik...dulu...ada berminat untuk menjadi polis?

MZI : Sebenarnya dulu...saya tidak berminat sangat dengan polis, mahupun mana-mana badan beruniform. Masa zaman persekolahan dulu pun, saya tidak berapa aktif sangat...dengan aktiviti kokurikulum, terutamanya yang berkaitan dengan badan beruniform.

HAR : Oh begitu, jadi ketika itu pernah tak [tidak]...encik terfikir untuk

menjadi seorang anggota polis?

MZI : Rasanya...dulu saya tidak pernah pun terfikir untuk menjadi seorang anggota polis memandangkan saya pada waktu alam persekolahan tidak berminat...dengan sebarang badan beruniform. Tapi bila usia dah meningkat remaja, pendedahan pengetahuan sedikit sebanyak tentang badan-badan beruniform, terutamanya tentang PDRM, hati saya mula terbuka untuk mengetahui lebih banyak lagi dan makin lama makin bertambah minat...dan hati saya makin tertarik dengan bidang...bidang kepolisan ini. Terdorong oleh minat dan sifat ingin mengetahui tentang PDRM secara lebih mendalam, serta ingin menjadi seorang anggota polis, pada awal tahun 2008 saya telah menghadiri temuduga konstable polis dan hasilnya saya telah lulus dan berjaya.

HAR : Apakah tanggapan encik terhadap profesyen sebagai seorang anggota polis ketika zaman kanak-kanak?

MZI : Tanggapan saya terhadap profesyen sebagai seorang anggota polis ketika zaman kanak-kanak dulu ialah...anggota polis bersifat tegas dan berdisiplin tinggi, terlatih, sentiasa bersedia untuk membantu masyarakat dan bersedia untuk membanteras sebarang bentuk jenayah.

HAR : Oh begitu. Encik, siapakah sumber inspirasi yang membuatkan encik berminat dengan kerjaya ini?

MZI : Sumber inspirasi saya adalah kedua ibu bapa saya, keluarga, saya dan kawan-kawan saya yang telah menyertai profesyen sebagai anggota PDRM.

HAR : Adakah ibu bapa encik bekerja sebagai polis?

MZI : Oh tidak.

HAR : Di manakah encik mendapat pendidikan awal sekolah rendah?

MZI : Saya mendapat didikan awal bermula...pada tahun 1989 sehingga tahun 1994 di Sekolah Rendah Kebangsaan Kangkong salah sebuah sekolah yang terletak di daerah Pasir Mas, Kelantan...(sambil terbatuk)

HAR : Apakah pencapaian tertinggi encik semasa menuntut di sekolah rendah tersebut?

MZI : Pencapaian tertinggi semasa menuntut di sekolah rendah adalah mendapat... keputusan 3A, 1B dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

HAR : Adakah encik aktif di dalam kegiatan ko-kurikulum semasa berada di sekolah rendah?

MZI : Seperti yang saya nyatakan tadilah, semasa zaman persekolahan, saya memang tidak aktif dalam bidang kokurikulum. Saya pada masa itu lebih berminat dengan persatuan atau aktiviti yang berkaitan dengan akademik sahaja.

HAR : Oh begitu. Encik ada tak [tidak] kenangan manis yang tak [tidak] dapat dilupakan sepanjang menuntut di... sekolah rendah tersebut?

MZI : Kenangan manis yang tak [tidak] dapat dilupakan adalah semasa mendapat keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) iaitu mendapat 3A 1B.

- HAR : Di manakah encik mendapat pendidikan sekolah menengah?**
- MZI : Saya mendapat didikan peringkat menengah bermula tahun 1995 sehingga tahun 1999 di Sekolah Menengah Kangkong juga terletak di daerah Pasir Mas Kelantan.
- HAR : Ketika di sekolah menengah adakah encik mula terlibat dengan mana-mana pasukan beruniform contohnya seperti Kadet Polis ke, Kadet Bomba ke?**
- MZI : Ada...kalau tak [tidak] silap sayalah, erm...Persatuan Bulan Sabit Merah tapi saya tidak... berapa aktif sangatlah dalam bidang kokurikulum itu
- HAR : Oh... kalau encik tidak keberatan boleh saya tahu bagaimana dengan pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR) encik?**
- MZI : Untuk Penilaian Menengah Rendah (PMR) saya hanya memperolehi keputusan 4A 2B dan 2C sahaja.
- HAR : Bagaimanakah pula dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?**
- MZI : Untuk Pencapaian Sijil pelajaran Malaysia (SPM) saya hanya memperolehi keputusan pangkat satu (23 agregat) sahaja.
- HAR : Ada tak [tidak] kenangan manis yang tak [tidak] dapat encik lupakan sepanjang menuntut di sekolah menengah tersebut?**
- MZI : O...kenangan manis tu rasanya macam tidak ada. Tapi kalau kenangan yang tak [tidak] dapat saya lupakan ialah semasa mendapat keputusan Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) kerana keputusan yang saya perolehi itu tidak seperti yang saya harapkan.

HAR : Adakah kedua ibu bapa encik berpuas hati dengan pencapaian encik di sekolah?

MZI : Ya, kedua ibubapa saya berpuas hati dengan pencapaian saya.

Bahagian B – Soalan berkaitan pengalaman tokoh semasa berkhidmat dalam pasukan polis

HAR : Sekarang saya akan mulakan temubual untuk bahagian B yang berkaitan dengan pengalaman encik semasa berkhidmat dalam pasukan polis. Boleh kita mulakan encik?

MZI : Boleh...dipersilakan...

HAR : Jadi saya nak [hendak] tahu...pada tahun berapakah encik mula berkhidmat di...dengan Jabatan Polis?

MZI : Saya mula berkhidmat dengan jabatan polis bermula tahun 2000... 2008.

HAR : Oh...dalam lima tahun macam tulah [begitukah] encik? Bagaimana encik mula berkecimpung dengan profesion polis?

MZI : Setelah minat dan keigian untuk menjadi seorang anggota polis timbul dihati dan dalam diri saya, saya bersama kawan-kawan sekampung pergi menghadiri temuduga konstabel polis pada awal tahun 2008.

HAR : Pada ketika itu, di manakah encik ditemuduga? ...Adakah encik masih ingat?

MZI : Ya...pada peringkat awalnya, pusat temuduga yang saya hadiri ialah di Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas, manakala peringkat yang seterusnya adalah di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu.

HAR : Oh... bagaimana perasaan encik sewaktu mula-mula diterima sebagai anggota polis?

MZI : Setelah mendapat tahu saya diterima menjalani latihan kepolisan iaitu latihan asas konstabel, saya begitu gembira, teruja, terharu dan rasa bersyukur pada Tuhan.

HAR : Dimanakah encik menjalani latihan awal kepolisan?

MZI : Saya menjalani latihan asas konstabel di Pusat Latihan Polis Kuching iaitu PULAPOL Kuching. Kemudian saya menjalani latihan asas Pasukan Gerakan Am PGA di Pusat Latihan PGA bertempat di Ulu Kinta, Perak.

HAR : Boleh... encik cerita sedikit pengalaman encik sewaktu menjalani latihan tersebut?

MZI : Antara...pengalaman dan kenangan yang sangat bermakna sewaktu...sepanjang menjalani latihan tersebut adalah kita diajar mendisiplinkan diri, belajar mematuhi arahan dan menepati masa, belajar menghormati pegawai-pegawai, jurulatih, rakan-rakan serta semua individu disekeliling kita. Dalam pada itu juga, setiap pelatih dilatih dan diajar kawad, seni mempertahankan diri, belajar kelas akademik berkaitan

undang-undang, belajar asas renang dan juga bersukan.

HAR : Oh jadi kiranya akan ada belajar praktikal dan teori?

MZI : Ya..

HAR : Di balai polis manakah encik mula-mula ditugaskan?

MZI : Setelah tamat menjalani latihan asas konstabel dan latihan asas PGA, tempat pertama saya ditugaskan adalah di Batalion 12 Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri, Sarawak.

HAR : Berapa ramai anggota polis di balai polis tersebut?

MZI : Jumlah anggota di Batalion 12 PGA Miri...kalau tak [tidak] silap sayalah pada ketika itu jumlahnya tidak kurang dari 600 orang.

HAR : Oh ramai jugak tu [itu] encik. Encik masih ingat lagi tak [tidak] tugas pertama yang encik selesaikan?

MZI : Seingat saya, tugas pertama yang saya lakukan adalah menyertai Plantun Tiger untuk operasi mencari dan menyelamatkan orang hilang di kawasan Hutan Lambir, di Miri Sarawak.

HAR : Dalam tugas itu lebih kurang berapa orang encik?

MZI : Kalau tak [tidak] silap saya... dalam satu plantunlah.

HAR : Satu plantun... adakah orang yang hilang itu dijumpai?

MZI : Ya, orang yang hilang dijumpai, tetapi malangnya semasa dijumpai

mangsa sudah meninggal dunia.

HAR : Oh...jadi ketika itu (sambil terbatuk) apakah perasaan encik?

MZI : Perasaan saya ketika itu adalah teruja dan sangat-sangat bersemangat untuk menyertai operasi itu.

HAR : Encik, boleh encik ceritakan sedikit tentang tugas-tugas sebagai anggota polis?

MZI : Ok...seperti yang kita ketahuilah, secara umumnya, tugas-tugas polis adalah seperti mencegah jenayah, mengumpul risikan keselamatan, mengawal trafik, rondaan laut dan udara, menangkap, mengawal dan mengiringi pesalah-pesalah, mewujudkan suasana yang aman dan tenteram, memberi khidmat yang mesra kepada masyarakat serta melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang.

HAR : Selepas dihantar ke cawangan ke erm... balai polis yang pertama, ada tak [tidak] encik dihantar ke cawangan balai polis yang lain?

MZI : Ya ada.

HAR : Di mana tu [itu] encik?

MZI : Antara balai-balai polis tersebut adalah Balai Polis Bintulu, Balai Polis Lutong dan Balai Polis Pusat di Miri.

HAR : Kiranya encik tidak pernah dihantar ke semenanjung?

MZI : Tidak pernah

HAR : Apakah cabaran-cabaran yang encik tempuhi ketika... di awal penglibatan encik dalam perkhidmatan polis?

MZI : Antara cabaran awal semasa penglibatan dalam perkhidmatan adalah menghadapi kerenah-kerenah orang awam yang berbagai ragam dan gelagat. Tapi cabaran yang paling getir adalah ketika operasi misi mencari, membantu dan menyelamatkan. Kita terpaksa menempuhi persekitaran yang sangat bahaya terutamanya semasa bencana alam seperti banjir besar, tanah runtuh dan sebagainya.

HAR : Oh... Encik, tadi encik ada bagitahu yang encik ada dihantar ke cawangan lain, kenapa encik dihantar ke cawangan tersebut?

MZI : Oh... Sebagai anggota Pasukan Gerakan Am, selain dari menjalani tugas hakiki PGA , kami juga akan dihantar untuk membantu tugas-tugas am dibalai-balai polis yang kekurangan anggota dan yang memerlukan khidmat anggota polis yang ramai untuk melaksanakan sesuatu tugas atau operasi.

HAR : Sekarang ni pernah tak [tidak] encik diarahkan untuk bertugas di luar kawasan seperti di luar negara?

MZI : Tidak pernah. Setakat ini saya hanya bertugas dalam negeri dan dalam Negara Malaysia sahaja.

Bahagian C- soalan berkaitan pengalaman tokoh semasa menyertai Operasi Daulat

Bahagian wawancara dikendalikan oleh Noor Ainurizal bt Mohd Adnan

NAMA : Encik, sekarang saya akan mula temubual untuk bahagian c yang berkaitan pengalaman encik semasa menyertai Operasi Daulat. Seperti yang kita ketahui, encik pernah ditugaskan untuk menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu, Sabah. Bilakah encik menerima arahan untuk ke sana?

MZI : Oh... Ya, saya pernah ditugaskan untuk menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu, Sabah. Saya menerima arahan untuk ke sana pada 3 Mac 2013.

NAMA : Boleh encik... ceritakan bagaimanakah persiapan yang dilakukan sebelum menyertai operasi tersebut?

MZI : Persiapan yang dilakukan adalah persiapan yang menyeluruh. Ia merangkumi persiapan dari segi... fizikal dan mental, persiapan dari segi peralatan dan persenjataan, dari segi bekalan makanan dan ubat-ubatan serta bermacam-macam lagi.

NAMA : Oh... jadi semua aspek perlu dititik beratkan sebelum menyertai sesuatu operasi. Boleh kami tahu apakah perasaan encik apabila mendapat tugas ke sana?

MZI : Bila mendapat tugas ke sana perasaan saya ketika itu adalah teruja dan bersedia untuk menyertai operasi itu.

NAMA : Sebelum menyertai operasi tersebut, adakah encik diberi maklumat yang mencukupi seperti keadaan muka bumi atau situasi sebenar sebelum di hantar ke sana?

MZI : Ya, setiap kali sebelum dihantar untuk menjalankan sesuatu misi atau operasi, kami akan diberi taklimat dan penerangan yang lengkap dan menyeluruh terlebih dahulu.

NAMA : Selain daripada encik, berapa ramai anggota Pasukan Gerakan Am yang terlibat dalam tugas tersebut?

MZI : Anggota PGA yang terlibat dari Batalion 12 PGA Miri yang terlibat adalah seramai 138 anggota iaitu kekuatan satu kompeni.

NAMA : Oh... Ramai juga tu [itu].. Siapa yang mengetuai tugas tersebut?

MZI : Tugas tersebut diketuai oleh ASP Noris A/L R Pull.

NAMA : Boleh saya tahu encik bertindak sebagai apa dalam tugas itu?

MZI : Dalam tugas tersebut, saya sebagai anggota infantri dan bertindak sebagai Bren Satu.

NAMA : Encik dan anggota yang lain dihantar ke sana dengan menggunakan apa?

MZI : Saya dan anggota yang lainnya dihantar ke Sabah menggunakan kapal terbang dan untuk sampai ke lokasi operasi, kami menggunakan kenderaan pasukan polis.

NAMA : Encik, berapa jam perjalanan diambil sebelum tiba ke tempat kejadian?

MZI : Dari Miri untuk sampai ke tempat lokasi di Lahad Datu menggunakan kapal terbang dan kenderaan polis, jumlah masa yang diambil adalah lebih kurang empat jam tiga puluh minit.

NAMA : Agak lama juga masa yang diambil untuk ke sana ye...

MZI : Lebih kurang begitulah...

NAMA : Setelah sampai di sana bagaimana keadaan tempat tersebut ketika... itu?

MZI : Keadaan tempat itu adalah... berbukit permukaan tak [tidak] ratahah.

NAMA : Encik, bukan sebuah bandar, kam... perkampungan atau kawasan hutan?

MZI : Sebenarnya lokasi itu, ia merupakan kawasan felda iaitu ladang sawit yang sangat luas.

NAMA : Bolehkah encik ceritakan bagaimanakah perasaan encik ketika itu?

MZI : Perasaan ketika itu... adalah bersemangat kental dan bersedia menghadapi musuh.

NAMA : Boleh kami tahu bagaimana pencerobohan itu bermula dan apakah punca kejadian itu boleh berlaku di sana?

MZI : Ok... seperti yang diketahui umum pencerobohan itu bermula dan punca

kejadian itu berlaku bila terdapat individu-individu yang berpakaian uniform [seragam] tentera dipercayai askar-askar kesultanan Sulu telah menceroboh masuk ke dalam Negara kita iaitu Lahad Datu, iaitu kawasan Pantai Timur Sabah.

NAMA : Selain daripada encik dan anggota PGA yang lain, siapakah lagi yang turut serta dalam Operasi Daulat tersebut?

MZI : Ok... Selain dari anggota PGA yang turut serta dalam Operasi Daulat adalah anggota polis dari semua cawangan dan juga anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

NAMA : Agak-agak berapa ramai yang terlibat?

MZI : Yang itu saya tidak pasti... tapi [tetapi] jumlahnya agak besarlah

NAMA : Wartawan ada tak encik?

MZI : Yang tu [itu] saya tak pasti, Cuma setahu saya di kawasan operasi memang tidak dibenarkan orang awam atau wartawan berada di situ melainkan anggota pasukan keselamatan Negara sahaja.

NAMA : Bagaimana keadaan orang awam ketika itu? Adakah mereka di hantar ke tempat yang lebih selamat buat sementara waktu?

MZI : Ya, mereka dihantar ke tempat yang selamat dan diberi perlindungan seperti di dewan raya dan dewan serbaguna di kawasan felda berhampiran. Ada juga yang berpindah dan menumpang di rumah saudara-mara mereka di felda berhampiran.

NAMA : Sebelum memulakan operasi, adakah pasukan encik melakukan sebarang perancangan awal dan taklimat bagi memudahkan perjalanan operasi?

MZI : Ya, setiap kali sebelum memulakan misi atau operasi, taklimat dan perancangan yang lengkap dan menyeluruh akan diberikan.

NAMA : Boleh saya tahu... Apakah faktor yang perlu diambil kira sebelum menjalankan operasi tersebut?

MZI : Ok secara amnyalah faktor-faktor yang dititik beratkan untuk menjalankan sesuatu operasi adalah faktor keselamatan, iaitu merangkumi keselamatan nyawa, harta dan benda, faktor yang kedua ialah kejayaan manakala faktor ketiga adalah faktor-faktor lain yang tak [tidak] dapat didedahkanlah.

NAMA : Jadi adakah operasi tersebut boleh di atasi dengan adanya prosedur-prosedur yang betul?

MZI : Ya, setiap operasi atau misi, perlu dilaksanakan berdasarkan prosedur-prosedur tertentu yang telah ditetapkan.

NAMA : Soalan berikutnya, apakah strategi polis dalam menentang penganas dalam operasi itu?

MZI : Ok... terlebih dahulu saya ingin memohon maaf kepada saudari kerana untuk soalan ini, saya tidak boleh beri jawapan kerana atas dasar kerahsiaan strategi polis dan ianya tidak boleh didedahkan.

NAMA : O... takpe [tidak mengapa] encik, saya faham kerana ia berkaitan

dengan kerahsiaan pihak polis. Emm... saya nak [hendak] tahu operasi tersebut berjaya atau tidak?

MZI : Ya, ia berjaya.

NAMA : Dari segi peralatan peperangan pula... bagaimana? Adakah ia mencukupi?

MZI : Sekali lagi saya ingin mohon maaf kepada saudari kerana untuk soalan ini juga saya tidak boleh beri jawapan juga atas sebab kerahsiaan pasukan polis.

NAMA : Tidak mengapa... Boleh encik ceritakan bagaimana dengan tempat tinggal encik dan anggota yang lain?

MZI : Di sana kami hanya tinggal di dalam ladang sawit sahaja.

NAMA : Jadi maknanya di sini encik dan anggota polis yang lain terpaksa berkampung sementara waktu di sanakan?

MZI : Ya, lebih kurang macam itulah [begitulah] kami tinggal di situ... iaitu dalam kawasan operasi dan sentiasa dalam keadaan siap sedia dan sedia bertempur pada bila-bila masa.

NAMA : Berapa lama operasi daulat itu dijalankan?

MZI : Seperti yang kita ketahui Operasi Daulat bermula pada 5 mac 2013 dan berakhir sehingga 29 Mac tahun 2013.

NAMA : Boleh saya tahu apakah nama tempat yang encik tinggal di sana?

Dalam daerah apa?

MZI : Ok tempat operasi yang saya ditugaskan adalah di kawasan ladang sawit iaitu kawasan di Tanjung Batu. Ia merupakan salah satu kawasan di daerah Lahad Datu, Sabah.

NAMA : Boleh encik ceritakan bagaimanakah keadaan kampung itu... pada masa itu?

MZI : Yang boleh saya ceritakan adalah kawasan operasi saya sahaja, kawasan itu merupakan kawasan ladang sawit, permukaan... permukaan muka bumi tidak sekata kerana ianya kawasan berbukit-bukau, manakala suasana sunyi dan tiada orang awam di sana.

NAMA : Agak-agak encik lah, berapakah bilangan musuh pada... masa itu?

MZI : Yang itu saya tidak pasti, kerana pertempuran itu berlaku pada waktu malam dan awal pagi saja [sahaja], jadi keadaan sangat gelap. Cuma dianggarkan musuh bergerak dalam jumlah atau kumpulan yang kecil sahaja.

NAMA : Kebiasaannya pihak musuh menyerang pada waktu bila? Pagi? Petang atau malam?

MZI : Sebenarnya ia boleh terjadi pada bila-bila masa sahaja... bergantung kepada serangan pihak musuh atau bila kami terserempak lah dengan pihak musuh.

NAMA : Boleh saya tahu pukul berapakah pertempuran berlaku?

MZI : Pertempuran berlaku bermula... kalau tak [tidak] silap sayalah pada pukul 8 malam. Pertempuran berlaku dalam tempoh yang tidak lama tapi [tetapi] ianya berlarutan hingga awal pagi lebih kurang sehingga pukul 4 pagi.

NAMA : **Encik tahu tak [tidak]... serangan dari arah mana? Maksud saya target [sasaran] mereka pada masa itu?**

MZI : Serangan pihak musuh adalah dari pelbagai arah... mengikut laluan dan pergerakan musuh. Target [sasaran] mereka pada masa itu saya tidak pasti dan tidak tahu.

NAMA : **Pihak musuh melancarkan serangan dengan menggunakan senjata apa? Contohnya senjata api yang digunakan (sambil ketawa)?**

MZI : Yang itu tidak dapat dipasti kerana kejadian pertempuran itu berlaku pada waktu malam dan suasananya sangat gelap.

NAMA : **Bagaimana pula... keadaan cuaca ketika itu?**

MZI : Cuaca pada ketika itu... baik tetapi keadaan dan suasananyalah [suasana] sangat gelap.

NAMA : **Selain dari bantuan untuk menangani penceroboh, apa... apakah bantuan lain yang diberikan oleh polis Malaysia ketika itu?**

MZI : Antara bantuan-bantuan lain yang diberikan oleh pihak polis pada masa itu adalah seperti menjaga keselamatan penduduk, meninjau keselamatan kawasan-kawasan berhampiran dan bermacam-macam lagi lah.

NAMA : Selain daripada bantuan senjata, ada tak sebarang bantuan lain yang dihantar ke tempat kejadian? Contohnya bantuan makanan, ubat-ubatan atau pakaian.

MZI : Ada. Bantuan adalah seperti bantuan makanan, minuman, ubat-ubatan, senjata dan peralatan dan kelengkapan yang lain-lain turut dibekalkan.

NAMA : Semasa menjalani operasi tersebut, ada tak [tidak] sebarang kemalangan jiwa yang berlaku?

MZI : Semasa kejadian pertempuran di lokasi saya ditugaskan itu, tiada kemalangan jiwa terjadi. Cuma terdapat dua anggota polis yang mengalami kecederaan.

NAMA : Seperti yang kita sedia maklum, encik merupakan salah seorang anggota yang mengalami kecederaan semasa menjalankan tugas di sana. Ada tak anggota polis yang lain mengalami kecederaan?

MZI : Ya, saya salah seorang anggota yang mengalami kecederaan pada masa itu. Saya tercedera kerana terkena tembakan di bahagian betis dan paha. Ada seorang lagi anggota polis yang turut mengalami kecederaan, dan dia mengalami kecederaan dibahagian betis juga.

NAMA : Macam mana [bagaimana] encik boleh terkena tembakan tersebut?

MZI : Saya terkena tembakan semasa pasukan saya sedang berbalas tembakan dengan pihak musuh.

NAMA : Setelah terkena tembakan bagaimana encik diselamatkan dan

dirawat?

MZI : Setelah terkena tembakan, ada anggota-anggota pasukan saya yang segera datang dan terus memberi rawatan kecemasan. Lebih kurang tiga jam selepas itu barulah saya dapat dikeluarkan dari kawasan pertempuran itu dan dihantar ke Bahagian Medic [perubatan] Anggota Tentera Malaysia dan kemudiannya dihantar ke Hospital Duches of Kent di Sandakan, Sabah.

NAMA : Apakah encik rasa setelah terkena tembakan tersebut?

MZI : Setelah terkena tembakan, pada mulanya... Dibahagian peha dan betis yang terkena tembakan itu saya merasa seperti terbakar, seolah-olah terkena semburan api. Tidak lama selepas itu, barulah saya mulai merasa kesakitan yang amat sangat.

NAMA : Ada tak pihak-pihak yang menge... menghulurkan sumbangan kepada anggota-anggota yang tercedera?

MZI : Ada. Terdapat ramai individu-individu dan pihak-pihak tertentu yang telah menghulurkan sumbangan kepada anggota keselamatan yang tercedera mahupun anggota yang telah terkorban.

NAMA : Sepanjang Operasi Daulat, ada tak [tidak] kemalangan jiwa yang dilaporkan?

MZI : Ada. Seperti yang kita ketahui sepanjang Operasi Daulat dilaporkan seramai 10 anggota keselamatan Negara yang telah terkorban termasuklah Koperal Ahmad Farhan bin Roslan, anggota tentera yang terkorban dalam kemalangan ketika mengiringi konvoi menghantar bekalan makanan

kepada pasukan keselamatan yang bertugas semasa operasi.

NAMA : **Kami turut bersimpati dengan apa yang terjadi. Semoga mereka di tempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman. Insya Allah. Selain dari tugas memerangi pengganas, ada tak tugas lain yang terpaksa dilakukan diluar jangkaan?**

MZI : Tiada.

NAMA : **Pada pandangan encik, apakah kesan operasi terhadap penduduk setempat?**

MZI : Pada pandangan saya, kesan operasi terhadap penduduk setempat, kemungkinan ia memberi kesanlah dari segi keselamatan nyawa, kerosakan harta benda dan mungkin juga menjejaskan perkembangan sektor ekonomi, perladangan dan pelancongan.

NAMA : **Apakah senarai tindakan kerajaan dalam menangani pengganas sebelum dan selepas operasi dijalankan?**

MZI : Seperti yang kita ketahui, secara umumnya antara sebelum operasi adalah mengadakan rundingan bagi memberi peluang kepada penceroboh untuk meletak senjata dan menyerah diri atau meninggalkan kawasan Negara kita. Manakala tindakan kerajaan selepas itu adalah mengambil tindakan ketenteraan dan tindakan undang-undang terhadap penceroboh-penceroboh yang telah berjaya ditangkap.

NAMA : **Apa pandangan encik berkaitan spekulasi dalang-dalang disebalik**

peristiwa pencerobohan di Lahad Datu?

MZI : Saya tiada jawapan untuk soalan ini kerana sebagai anggota pasukan keselamatan ia adalah diluar bidang kuasa saya.

NAMA : **Soalan seterusnya, boleh encik ceritakan apakah pengalaman yang encik tidak boleh lupakan semasa menjalani operasi di sana?**

MZI : Pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika operasi itu... semestinya lah semasa saya tercedera terkena tembakan musuh.

NAMA : **Seperti yang kita sedia maklum, keluarga adalah orang terdekat dengan kita sudah tentu ahli keluarga encik amat kluatir dengan keselamatan encik sewaktu menjalani... menjalankan operasi. Apa perasan mereka pada masa itu?**

MZI : Ya. Mereka memang kluatir akan keselamatan saya, mungkin perasan mereka pada masa itu bimbang dan bermacam-macam lagi... perasan mereka yang saya tidak ketahuilah pada masa itu.

NAMA : **Sebelum bertolak ke sana, ada tak [tidak] mereka beri sebarang pesanan kepada encik?**

MZI : Ada. Antara pesanan mereka yang masih saya ingat lah iaitu sentiasa menjaga diri dan keselamatan, sentiasa ingat pada tuhan serta kewajipan kita pada tuhan.

NAMA : **Bagaimana encik berhubung dengan ahli keluarga encik semasa menjalankan operasi itu?**

MZI : (Sambil terbatuk) Ketika itu saya tidak berhubung dengan ahli keluarga kerana telefon bimbit sentiasa dimatikan. Selepas tercedera dan dihantar ke hospital, pihak Kem Batalion 12 PGA Miri telah menghubungi ahli keluarga saya dan memaklumkan keadaan saya.

NAMA : Setelah selesai menjalani operasi, adakah encik menerima sebarang pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia?

MZI : Ya, setakat ini pengiktirafan yang saya terima daripada kerajaan Malaysia adalah Pingat kedaulatan Negara dan besar kemungkinan anugerah atau sebarang pengiktirafan yang lain atau yang berikutnya akan diterima di masa akan datang.

NAMA : Tahniah saya ucapkan di atas pengiktirafan yang diterima. Seperti yang kita sedia maklum encik merupakan salah satu anggota yang tercedera. Berapa lama tempoh cuti yang diberikan?

MZI : Tempoh cuti yang diberikan bergantung pada [kepada] tahap kesembuhan kecederaan yang saya alami. Ini bermakna cuti yang diberikan adalah sehingga saya betul-betul sembuh.

NAMA : Jika encik tidak keberatan boleh saya tahu tahap kesihatan encik sakarang?

MZI : Tidak menjadi masalah saya sekarang sudah sihat cuma... tahap kesembuhan adalah lapan puluh lima peratus, setakat ini.

NAMA : Agak-agak encikla bila encik akan kembali memulakan tugas?

MZI : (Sambil terbatuk) Saya akan kembali bertugas semula setelah betul-betul sembuh dan diberikan kebenaran oleh pihak hospital.

NAMA : Jika diberi ruang dan peluang, adakah encik akan mengikuti lagi operasi seperti ini?

MZI : Ya, jika diberi ruang dan peluang sekiranya saya sudah pulih dan sihat seperti sediakala, saya akan mengikuti lagi operasi seperti ini.

NAMA : Pada pendapat encik apakah ikhtibar yang boleh kita ambil dari peristiwa ini?

MZI : Pada pendapat saya ikhtibar dari peristiwa pencerohan ini haruslah dijadikan asas untuk generasi baru memikir dan mencari jalan bagaimana persoalan kedaulatan tanah air sewajarnya diletakkan sebagai keutamaan dalam kehidupan bernegara. Malaysia yang terletak ditengah-tengah ASEAN sangat terdedah kepada pertikaian wilayah termasuk yang berasaskan... kepada faktor sejarah. Bagi memelihara keutuhan Negara, rakyat digesa untuk bersama memelihara maruah dan kedaulatan Negara dengan mempromosi perpaduan rakyat, tidak mencetus kontroversi[kontraversi] dan tidak mudah dipengaruhi oleh sebarang elemen yang boleh memecah belahkan keharmonian masyarakat.

NAMA : Soalan terakhir dari saya. Apakah harapan dan pesanan encik kepada masyarakat di luar sana berkaitan dengan peristiwa pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu?

MZI : Harapan dan pesanan saya kepada masyarakat berkaitan dengan peristiwa

ini ringkas sahaja iaitu seluruh rakyat Malaysia wajar menunjukkan semangat patriotisme [patriotik] yang tinggi dengan memberi sokongan padu kepada pasukan keselamatan Negara dalam menjaga kedaulatan Negara kita.

NAMA : Sebelum kita berakhir, saya mewakili UiTM Kelantan mengucapkan ribuan terima kasih kepada encik kerana member kerjasama kepada kami untuk menyelesaikan tugas ini.

MZI : Sama-sama. Takde [tidak ada] sebarang masalah, saya pun sebenarnya sangat berbesar hati kerana saudara berdua sudi menemuramah saya walaupun saya sebenarnya tidak mempunyai banyak pengalaman dan terlibat dengan operasi ini pun hanya dalam jangka masa yang pendek sahaja kerana mengalami kecederaan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada saudara berdua dan juga pihak UiTM Machang diatas layanan baik yang telah diberikan.

NAMA : Sama-sama.

RUJUKAN

Mohd Zariman bin Ibrahim (wawancara, 23 Mei, 2013). Wawancara mengenai pengalaman beliau dalam Ops Daulat. Diwawancara oleh Huda binti Ab Rahman & Noor Ainurizal binti Mohd Adnan. Machang:Kelantan

SENARAI SOALAN WAWANCARA

Bahagian A – Soalan latar belakang tokoh

1. Assalamualaikum, encik apa khabar?
2. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang diri encik, encik ceritakan nama penuh, umur, pekerjaan dan jawatan serta asal.
3. Encik biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu bapanya. Adakah itu mempengaruhi kerjaya encik dalam bidang polis ini?
4. Adik beradik encik berapa orang?
5. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang adik beradik encik?
6. Boleh encik ceritakan macam mana kehidupan keluarga encik? Senang atau susah?
7. Apa pendapat encik tentang kehidupan encik sekarang dengan waktu encik kecil dulu?
8. Adakah encik suka dengan kehidupan kanak-kanak encik dulu?
9. Bolehkah encik ceritakan kenangan waktu kecil yang masih dalam ingatan encik
10. Apakah cita-cita encik waktu encik kecil dulu?
11. Adakah encik sudah dari dahulu lagi berminat menjadi polis?
12. Pernah tak encik terfikir untuk menjadi seorang anggota polis?
13. Apakah tanggapan encik terhadap profesyen sebagai seorang anggota polis ketika zaman kanak-kanak?
14. Siapakah sumber inspirasi yang membuatkan encik berminat dengan kerjaya ini?
15. Adakah ibu bapa encik bekerja sebagai polis?
16. Di manakah encik mendapat pendidikan awal (sekolah rendah)?
17. .Apakah pencapaian tertinggi encik semasa menuntut di sekolah rendah tersebut?

18. Adakah encik aktif di dalam kegiatan ko-kurikulum semasa berada di sekolah rendah?
19. Encik ada tak kenangan manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menuntut di sekolah rendah tersebut ?
20. Di manakah encik mendapat pendidikan sekolah menengah?
21. Ketika di sekolah menengah adakah encik ada terlibat dengan mana-mana pasukan beruniform di sekolah dulu, contohnya seperti kadet polis ke, kadet bomba ke?
22. Bagaimanakah dengan pencapaian Penilaian Menengah Rendah (PMR) encik di sekolah tersebut?
23. Bagaimanakah pula dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ?
24. Ada tak kenangan manis yang tidak dapat encik lupakan sepanjang menuntut di sekolah menengah tersebut?
25. Adakah kedua ibu bapa encik berpuas hati dengan pencapaian encik di sekolah?

Bahagian B – Penagalaman tokoh semasa berkhidmat dalam pasukan polis

26. Pada tahun berapakah encik mula berkhidmat dengan jabatan polis?
27. Bagaimana encik mula berkecimpung dengan profesion polis?
28. Di manakah encik ditemuduga? Adakah encik masih ingat?
29. Bagaimanakah perasaan encik sewaktu mula-mula diterima sebagai anggota polis?
30. Dimanakah encik menjalani latihan awal kepolisan?
31. Boleh encik cerita sedikit pengalaman encik sewaktu menjalani latihan tersebut?
32. Di balai polis manakah encik mula-mula ditugaskan?
33. Berapa ramai anggota polis di balai polis tersebut?
34. Encik masih ingat lagi tak tugas pertama yang encik selesaikan?
35. Apakah perasaan encik ketika itu?
36. Boleh encik ceritakan sedikit tentang tugas-tugas sebagai anggota polis?
37. Ada tak encik dihantar ke cawangan balai polis yang lain? Di mana tu encik?
38. Apakah cabaran-cabaran yang encik tempuhi ketika di awal penglibatan encik dalam perkhidmatan polis?
39. Kenapa encik dihantar ke cawangan tersebut?
40. Pernah tak encik diarahkan untuk bertugas di luar kawasan seperti di luar negara?

Bahagian C – Soalan khusus mengenai pengalaman beliau semasa menyertai Ops Daulat.

41. Seperti yang kita ketahui, encik pernah ditugaskan untuk menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu, Sabah. Bilakah encik menerima arahan untuk ke sana?
42. Boleh encik ceritakan bagaimanakah persiapan yang dilakukan sebelum menyertai operasi itu?
43. Boleh kami tahu apakah perasaan encik apabila mendapat tugas ke sana?
44. Sebelum menyertai operasi itu, adakah encik diberi maklumat yang mencukupi seperti keadaan muka bumi atau situasi sebenar sebelum di hantar ke sana?
45. Selain daripada encik, berapa ramai anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang terlibat dalam tugas tersebut?
46. Siapa yang mengetuai tugas?
47. Boleh saya tahu encik bertindak sebagai apa dalam tugas itu?
48. Encik dan anggota yang lain dihantar ke sana dengan menggunakan apa?
49. Berapa jam perjalanan diambil sebelum tiba ke tempat kejadian?
50. Bagaimana keadaan tempat tersebut ketika itu?
51. Adakah ia sebuah bandar, perkampungan atau kawasan hutan?
52. Apakah perasaan encik ketika itu?
53. Bagaimana pencerobohan itu bermula dan apakah punca kejadian itu boleh berlaku?
54. Selain dari anggota PGA, siapa lagi yang turut serta dalam Operasi Daulat itu?
55. Wartawan ada tak?
56. Ada orang awam tak di situ?
57. Bagaimana keadaan orang awam ketika itu? Adakah mereka di hantar ke tempat yang lebih selamat buat sementara waktu?
58. Sebelum memulakan operasi, adakah pasukan encik melakukan sebarang perancangan awal dan taklimat bagi memudahkan operasi?

59. Apakah faktor yang perlu diambil kira sebelum menjalankan operasi tersebut?
60. Jadi adakah operasi tersebut perlu di atasi dengan adanya prosedur-prosedur yang betul?
61. Apakah strategi polis dalam menentang pengganas dalam operasi itu?
62. Saya nak tahu operasi tersebut berjaya atau tidak?
63. Dari segi peralatan peperangan pula bagaimana? Adakah ia mencukupi?
64. Bagaimana dengan tempat tinggal encik dan anggota yang lain?
65. Jadi maknanya encik dan anggota polis yang lain terpaksa *berkampong* buat sementara waktu di sana?
66. Berapa lama operasi daulat itu dijalankan?
67. Apakah nama tempat yang encik tinggal itu? Dalam daerah apa?
68. Boleh encik ceritakan bagaimanakah keadaan kampong itu pada masa itu?
69. Agak-agak encik, berapakah bilangan musuh pada masa itu?
70. Kebiasaannya pihak musuh menyerang pada masa bila? Pagi? Petang atau malam?
71. Pukul berapakah pertempuran berlaku?
72. Serangan dari arah mana? Target mereka pada masa itu?
73. Pihak musuh melancarkan serangan dengan menggunakan senjata apa?
74. Bagaimana cuaca ketika itu?
75. Selain dari bantuan untuk menangani penceroboh, apakah bantuan lain yang diberikan oleh polis Malaysia ketika itu?
76. Ada tak sebarang bantuan lain yang dihantar ke tempat kejadian? Contohnya bantuan makanan, ubat-ubatan dan pakaian.
77. Ada tak sebarang kemalangan jiwa yang berlaku?
78. Seperti yang kita sedia maklum, encik merupakan salah seorang anggota yang mengalami kecederaan semasa menjalankan tugas di sana.

79. Ada tak anggota polis yang lain mengalami kecederaan?
80. Macam mana boleh terkena tembakan?
81. Setelah terkena tembakan bagaimana encik diselamatkan dan dirawat?
82. Apakah encik rasa setelah terkena tembakan tersebut?
83. Ada tak pihak-pihak yang menghulurkan sumbangan kepada anggota-anggota yang tercedera?
84. Sepanjang Operasi Daulat ada tak kemalangan jiwa dilaporkan?
85. Selain dari tugas memerangi pengganas, ada tak tugas lain yang terpaksa dilakukan diluar jangkaan? Apakah tugas itu?
86. Pada pandangan encik apakah kesan operasi terhadap penduduk setempat?
87. Apakah senarai tindakan kerajaan dalam menangani pengganas sebelum dan selepas operasi itu?
88. Apa pandangan encik berkaitan spekulasi dalang-dalang disebalik peristiwa pencerobohan di Lahad Datu?
89. Boleh encik ceritakan apakah pengalaman yang encik tidak boleh lupakan ketika operasi di situ?
90. Sudah tentu ahli keluarga encik amat kluatir dengan keselamatan encik sewaktu operasi itu dijalankan? Apa perasan mereka pada masa itu?
91. Apa pesanan mereka pada encik?
92. Bagaimana encik berhubung dengan ahli keluarga encik semasa menjalankan operasi?
93. Setelah selesai menjalani operasi, adakah encik menerima sebarang pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia.
94. Berapa lama tempoh cuti yang diberikan?
95. Jika encik tidak keberatan, boleh saya tahu tahap kesihatan encik sekarang?
96. Bilakah encik akan kembali memulakan tugas?

97. Jika diberi ruang dan peluang, adakah encik akan mengikuti lagi operasi seperti ini?
98. Pada pendapat encik apakah iktibar yang boleh kita ambil dari peristiwa ini?
99. Apakah harapan dan pesanan encik kepada masyarakat berkaitan dengan peristiwa pencerobohan Lahad Datu ini?

LOG WAWANCARA

Bahagian A – Latar belakang tokoh

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama/Tempat dirujuk
00:38	Latar belakang tokoh	1) Kampung Buluh Melintang, Kangkong, Pasir Mas 2) Pasukan Gerakan Am
01:36	Faktor mempengaruhi kerjaya dalam bidang polis	
03:14	Latar belakang adik beradik tokoh	
03:55	Latar belakang keluarga	
05:32	Kehidupan tokoh sewaktu kecil	1) Bendang, sawah padi 2) Menangkap ikan laga di kawasan kolam 3) Main layang-layang 4) Memancing dan mandi di sungai
07:17	Cita-cita dan minat tokoh sewaktu kecil	1) Pendidik 2) Pegawai perbankan atau kewangan 3) Polis Diraja Malaysia
10:42	Sumber inspirasi tokoh dalam minat terhadap kerjaya beliau	1) Ibumama 2) Keluarga 3) Kawan-kawan yang telah menyertai profesyen sebagai anggota polis
11:16	Latar belakang pendidikan	1) Sekolah Rendah Kebangsaan Kangkong, Pasir Mas 2) Ujian Penilaian Sekolah Rendah 3) Sekolah Menengah kangkong, Pasir Mas 4) Kadet Polis 5) Kadet Bomba 6) Persatuan Bulan sabit Merah 7) Sijil Pelajaran Malaysia

Bahagian B - Pengalaman tokoh semasa berkhidmat dalam pasukan polis

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama / Tempat dirujuk
16:39	Penglibatan awal tokoh dalam pasukan polis	<ol style="list-style-type: none">1) Konstabel Polis2) Ibu Pejabat Polis Pasir Mas3) Ibu Pejabat Polis Kota Bharu4) Pusat Latihan Polis Kuching5) Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta Perak6) Batalion 12 Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri Sarawak
20:48	Tugasan pertama tokoh dan tugas-tugas Polis Di Raja Malaysia	<ol style="list-style-type: none">1) Plantun Tiger2) Hutan Lambir, Miri Sarawak3) Balai Polis Bintulu4) Balai Polis Lutong5) Balai Polis Pusat Miri
23:14	Cabaran peringkat awal	<ol style="list-style-type: none">1) Orang awam2) Balai Polis3) Pasukan Gerakan Am (PGA)

Bahagian C- Pengalaman tokoh semasa menyertai Operasi Daulat di Lahad Datu Sabah

25:33	Maklumat berkaitan sebelum menyertai Operasi Daulat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Operasi Daulat 2) Lahad Datu, Sabah 3) Anggota Infantri 4) Bren Satu 5) ASP Noris A/L R Pull
28:48	Maklumat perjalanan tokoh ke tempat operasi	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sabah 2) Miri 3) Lahad Datu 4) Kawasan felda 5) Ladang sawit
30:47	Perasaan tokoh pada ketika sampai di lokasi operasi	
31:11	Punca pencerobohan di Lahad Datu berlaku	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kesultanan Sulu 2) Lahad Datu 3) Kawasan Pantai Timur Sabah
32:00	Orang yang terlibat dengan Operasi Daulat	<ol style="list-style-type: none"> 1) Anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) 2) Anggota Angkatan Tentera Malaysia 3) Orang awam 4) Wartawan 5) Dewan raya 6) Dewan Serbaguna
34:02	Prosedur dan strategi polis sebelum menjalankan operasi	
37:37	Maklumat penempatan tokoh dan anggota yang lain	<ol style="list-style-type: none"> 1) Ladang sawit 2) Tanjung Batu 3) Lahad Datu
39:48	Maklumat mengenai pertempuran dengan musuh	
43:47	Bantuan dari pelbagai pihak untuk menangani penceroboh	
45:19	Maklumat kecederaan tokoh dan anggota yang lain	<ol style="list-style-type: none"> 1) Bahagian Medic Angkatan Tentera Malaysia 2) Hospital Duches of Kent, Sandakan
48:53	Kemalangan jiwa yang dilaporkan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Operasi Daulat 2) Koperal Ahmad Farhan bin Roslan
49:51	Kesan operasi terhadap penduduk setempat	
50:38	Senarai tindakan kerajaan dalam menangani pengganas	
51:40	Pandangan tokoh terhadap spekulasi dalang sebalik pencerobohan di Lahad Datu	

52:20	Pengalaman semasa menyertai Operasi Daulat	
53:02	Perasaan dan pesanan keluarga kepada tokoh semasa menyertai operasi	
55:18	Pengiktirafan yang diterima oleh tokoh	1) Pingat Kedaulatan Negara
58:12	Ikhtibar daripada peristiwa pencerobohan di Lahad Datu	1) Malaysia 2) ASEAN
59:32	Harapan dan pesanan tokoh kepada masyarakat berkaitan dengan peristiwa pencerobohan di Lahad Datu	1) Rakyat Malaysia
01:00:15	Penutup	1) UiTM Machang, Kelantan

INDEKS

A	
Angkatan Tentera Malaysia	16, 22
ASEAN	26
Anggota Infantri	14
ASP Noris A/L R Pull	14
B	
Bahagian Medic Angkatan Tentera Malaysia	22
Balai Polis Bintulu	11
Balai Polis Lutong	11
Balai Polis Pusat Miri	11
Batalion 12 Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri Sarawak	10, 14, 25
Bintulu	11
Bren Satu	14
H	
Hospital Duches of Kent, Sandakan	22
Hutan Lambir	10
I	
Ibu Pejabat Polis Kota Bharu	9
Ibu Pejabat Polis Pasir Mas	9
J	
Jabatan Polis	8
K	
Kadet Bomba	7
Kadet Polis	7
Kampung Buluh Melintang	1
Kangkong	1, 6, 7
Kelantan	1, 6, 7, 26
Kem Batalion 12 PGA Miri	25
Kesultanan Sulu	16
Konstabel Infantri	1
Koperal Ahmad Farhan bin Roslan	22
Kota Bharu	9
Kuching	9
L	
Lahad Datu	1, 13, 15, 16, 19, 24, 26
Lutong	11
M	
Machang	27
Malaysia	12, 20, 25, 27

Miri	10, 25
O	
Operasi Daulat	1, 13, 16, 18
P	
Pantai Timur Sabah	16
Pasir Mas	1, 6, 7, 9
Pasukan Gerakan Am (PGA)	1, 9, 10, 12, 14, 16, 24, 25
Perak	9
Persatuan Bulan Sabit Merah	7
Pingat Kedaulatan Negara	25
Plantun Tiger	10
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	1, 5
Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta Perak	9
Pusat Latihan Polis Kuching	9
S	
Sabah	1, 13, 14, 16, 19, 22
Sandakan	22
Sarawak	10
Sekolah Menengah Kangkong	7
Sekolah Rendah Kangkong	6
T	
Tanjung Batu	19
U	
UiTM Machang Kelantan	1, 26, 27
Ulu Kinta	9



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan ... Mohd Zamran Bin Ibrahim

Pada 23 Mei 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik sama ada dari kalangan staf atau pelajar Universiti Teknologi MARA sahaja yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik Universiti Teknologi MARA sahaja mulai dari 23 Mei 2013 (tarikh). Dipersetujui pada 23 Mei 2013, oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (interviewee)

.....
*Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Kelantan*

Peluru tak ragut semangat

“Tiada apa yang dapat dilakukan oleh kami kecuali mengangkat senjata dan berbalas tembakan dengan penganas itu,” kata Lans Koperal Mohd Zariman Ibrahim Abdullah, 31.

Mohd Zariman menceritakan detik cemas dan pengalaman yang dilaluinya ketika menyertai Op Daulat di FELDA Sahabat 20, di Kampung Tanjung Batu, Lahad Datu, Sabah, kira-kira jam 3 pagi pada 10 Mac lalu.

Dia yang berasal dari Kampung Buluh Melintang, Kangkung, Pasir Mas menyertai operasi terbabit bagi menjejak laluan yang digunakan penganas di kawasan berkenaan.

Menurut Mohd Zariman, keadaan bertukar panik apabila pasukan mereka ditembak dari arah kiri dan belakang menyebabkannya terkena dua tembakan.

Dapatkan akhbar Harian Metro untuk berita selanjutnya.

Friday March 22, 2013

Kecederaan Tidak Patahkan Semangat Lans Koperal Mohd Zariman Terus Berjuang



Lans Koperal Mohd Zariman Ibrahim, 31, mengaminkan doa semasa tiba di Lapangan Terbang Ismail Petra Pengkalan Chepa di Kelantan pada Jumaat. Beliau yang berasal dari Kampung Kangkung, Pasir Mas, dihantar ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian untuk menerima rawatan lanjut. -fotoBERNAMA

KOTA BAHARU: "Saya berazam untuk kembali ke kawasan Operasi Daulat selepas sembuh nanti," kata Lans Koperal Mohd Zariman Ibrahim yang cedera ketika bertempur dengan militan dari selatan Filipina di Sungai Nyamuk di Lahad Datu, Sabah 10 Mac lepas.

Mohd Zariman, 31, dari Batalion ke-12 Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri ditemui selepas tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dari Sabah pada 4 petang Jumaat.

Ketibaan beliau yang diiringi bapa, Ibrahim Abdullah, 55, dan ibu, Noraini Mohamad, dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disambut kira-kira 500 orang yang memenuhi kawasan lapangan terbang itu sambil lagu patriotik dimainkan pasukan pancaragam Angkatan Tentera Malaysia.

Mohd Zariman yang dibawa dengan kerusi roda turut diiringi beberapa rakan sepasukannya yang diketuai Pegawai Pemerintah Batalion itu Supt Syar'ie Saari dan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Datuk Ibrahim Ali yang juga anggota Parlimen Pasir Mas.

Mohd Zariman berkata kejadian serangan hendap musuh seawal 3 pagi itu, turut menyebabkan seorang rakannya cedera.

Beliau yang berpangkalan di Kem PGA Miri, Sarawak lebih dua tahun lepas cedera parah terkena serpihan peluru di paha dan kaki kanan, akan menjalani rawatan susulan di Hospital Universiti Sains Malaysia.

"Kecederaan yang saya alami semasa bertugas itu tidak mematahkan semangat saya untuk terus berjuang mempertahankan kedaulatan negara," kata anggota polis yang masih bujang itu.

Sementara itu ibu Mohd Zariman berkata beliau akan mengadakan majlis kesyukuran untuk anaknya itu esok.

Kerajaan Timbang Tubuh RCI Atau Buka Kertas Putih Siasat Pencerobohan di Sabah



Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkongsi cerita dengan Lans Kpl Mohd Zariman Ibrahim yang merupakan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion Miri ketika melawat anggota itu di Hospital Duchess of Kent di Sandakan pada Khamis. Mohd Zariman mengalami kecederaan di betis dan paha dalam kejadian tembakan dengan pengganas militan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, baru-baru ini. -Foto BERNAMA

SANDAKAN: Malaysia tidak menolak kemungkinan menubuhkan Suruhanjaya Diraja (RCI) atau membuka kertas putih bagi menyiasat dakwaan kemungkinan ada pihak yang menjadi dalang di sebalik insiden pencerobohan di Lahad Datu.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata siasatan menyeluruh perlu dibuat bagi mengenal pasti motif sebenar pencerobohan itu termasuk kemungkinan ada pihak yang membiayai militan dari selatan Filipina itu untuk menggugat keamanan dan kedaulatan negara.

"Siasatan lebih menyeluruh perlu untuk kita tahu apa sebenarnya yang berlaku...ini kami akan lakukan sama ada menggunakan RCI atau buka kertas putih.

"Saya sendiri pun hendak tahu dalang di belakang pencerobohan ini dan siapa yang membiayai atau merancang kerana ini semua menyentuh kepada keselamatan nasional," katanya.

Hishammuddin berkata demikian pada sidang media di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Sandakan di sini, hari ini selepas mendengar taklimat berhubung situasi semasa di Sandakan oleh Ketua Polis Daerah Sandakan ACP Rowell Marong.

Mengenai sama ada hasil siasatan itu akan didedahkan kepada umum, Hishammuddin berkata ia akan dibincangkan oleh pucuk pimpinan apabila perkara itu selesai kelak.

Mengulas keadaan keselamatan di Sabah, Hishammuddin berkata secara keseluruhannya keadaan bertambah baik termasuk di Tawau, Semporna dan Sandakan dengan keyakinan masyarakat umum terhadap

ketenteraman di negeri itu semakin meningkat.

Mengenai Kawasan Keselamatan Khas Sabah (ESSCOM), Hishammuddin berkata Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa dan beberapa pihak berkaitan akan berada di Sabah esok bagi meninjau keperluan tambahan bagi merealisasikan penubuhan kawasan itu yang memerlukan perancangan rapi.

Katanya penguatkuasaan di kawasan perairan timur Sabah juga akan ditingkatkan bagi menghalang kemasukan warga Filipina ke negeri itu termasuk kewujudan 'lorong-lorong tikus' yang memudahkan laluan mereka.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini mengumumkan kementerian itu kini bertanggungjawab menjaga perairan timur Sabah sepanjang 1,400km yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Berhubung laporan penahanan 35 warganegara Filipina yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kumpulan penceroboh bersenjata di Sabah oleh Unit peronda Tentera Laut Filipina semalam, Hishammuddin berkata Wisma Putra akan berhubung dengan Manila bagi menyelesaikan perkara itu.

"Wisma Putra akan berhubung dengan kerajaan Filipina kerana rakyat dia dan perairan dia," katanya.

Media Filipina semalam melaporkan unit peronda menahan kesemua suspek di dalam dua buah bot di perairan Tawi-Tawi sekitar jam 6.30 pagi semalam, di mana beberapa unit senjata dan bahan letupan turut dirampas dari bot yang dinaiki.

Hishammuddin dalam lawatan itu turut melawat dan berkongsi cerita dengan tiga anggota pasukan keselamatan yang cedera dalam Operasi Daulat di Lahad Datu dan sedang menjalani rawatan di Hospital Duchess of Kent di sini.

Dalam kejadian berbalas tembakan pada Sabtu lepas, dua anggota PGA dari Batalion Miri iaitu Lans Kpl Mohd Zariman Ibrahim dan Kpl Affendi Rusli mengalami kecederaan di betis dan paha.

Selain itu, Kpl Khairul Anuar Md Isa dari Rejimen ke-7 Askar Melayu Diraja (7RAMD) Kem Kukusan Tawau yang cedera di pipi dalam pertempuran di Sungai Nyamuk, Lahad Datu dimasukkan ke hospital itu.

-BERNAMA

Wira terharu jasa dihargai

Mohd Zariman ditemui selepas menerima sumbangan khas RM5,000 daripada Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) disampaikan menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim, semalam.

Menurutnya, sumbangan itu dapat meringankan beban ditanggung keluarganya.

“Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian atas sumbangan dihulurkan kerana sedikit sebanyak membantu ringankan beban kami sekeluarga.

“Saya bercadang menggunakan sumbangan itu untuk menampung kos rawatan susulan,” katanya selepas menerima sumbangan dalam program Sembang Warung YB bersama penduduk dan Penyelaras Parlimen Pasir Mas Datuk Hanafi Mamat di Kampung Gertak Serong di sini, semalam.

Anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) itu mengalami kecederaan di kaki kanan terkena serpihan peluru pengganas ketika bersama rakannya mengawasi kawasan sekitar.

Rais turut menyampaikan sumbangan RM10,000 kepada keluarga Allahyarham Koperal Ahmad Hurairah Ismail 24, yang terkorban ketika menyertai Op Daulat.

Bapanya, Ismail Hussin, 55, bersyukur atas keprihatinan kerajaan menghargai jasa anaknya yang berjuang mempertahankan negara.

“Dengan sumbangan berkenaan ia dapat membantu meringankan beban kami sekeluarga,” katanya yang hadir bersama isteri, Rahmah Mamat, 50.



Dua polis ditembak

2013/03/11

Lahad Datu: Dua anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) cedera dalam pertempuran hampir lapan jam dengan penganas di Kampung Tanjung Batu dekat sini, malam kelmarin hingga pagi semalam.

Dalam pertempuran bermula jam 8 malam hingga 4 pagi itu, kedua-dua anggota keselamatan berusia 25 tahun cedera terkena tembakan pada betis dan paha.

Keadaan stabil

Lans Koperal Afendi Yusof, 23, dari Kem PGA Miri dan berasal dari Kinarut, Papar, dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan keadaannya dilaporkan stabil.

Seorang lagi anggota Lans Koperal Mohd Zariman dirawat di hospital sama. Ini adalah kecederaan pertama anggota keselamatan yang menjalankan operasi mencari dan menggeledah sejak Ops Daulat dilancarkan pada 5 Mac lalu.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib, berkata ketika kejadian anggota PGA terbabit membuat kepungan di antara Kampung Tanjung Batu dan Kampung Tanduo apabila tiba-tiba diserang penganas.

“Pasukan keselamatan membalas tembakan. Keduadua anggota itu diberikan rawatan kecemasan oleh paramedik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum dihantar ke hospital di Sandakan,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Ahli keluarga Afendi yang enggan namanya dikenali, berkata beliau bergegas ke hospital selepas ibu Afendi menghubunginya dan memberitahu kejadian menimpa sepupunya.

Ahli Parlimen Libaran, Datuk Juslie Ajirol yang ditemui selepas melawat anggota terbabit berkata mereka kelihatan sihat dan sedang menerima rawatan susulan.

Hak Cipta Terpelihara Berita Harian 2012 [Emel](#) kami untuk sebarang maklum balas.

PENCEROBOHAN HAK BERDAULAT DI BUMI LAHAD DATU, SABAH

Sumber: BERNAMA

PETRHADU.COM

Kumpulan penceroboh telah menyusup masuk ke perairan Malaysia dengan menggunakan **kapal nelayan**.

Mereka bergerak dalam **katupalan kecil** bagi mengelakkan dikesan oleh unit rodan dan kawalan keselamatan.

Dipercayai kumpulan penceroboh telah pun berada di Malaysia sejak **3-19 Februari**.



Kumpulan tersebut **menyusup** menggunakan **warna, bunyi, bau** dan **alang tau** bagi mengelirukan pihak berkuasa.

Kumpulan itu juga telah mendapat bantuan daripada orang-orang **berketurunan Sulu** yang **berkemudahan** di Sabah.

Kumpulan penceroboh berpecah dalam kumpulan-kumpulan kecil, antaranya bersembunyi di rumah Ahmad Malandi (**Mad Bon**).

Satu laporan menyatakan bahawa salah seorang adalah Pengikut Setia Raja Muda Sulu, **Azizuddin Kiran**.



Kumpulan tersebut membuat tuntutan wilayah Sabah.



Kerajaan **Malaysia - Filipina** berusaha keras menangani masalah ini melalui diplomasi untuk mengelakkan bertakunya pertempuran darah.



Kerajaan Filipina hantar **180 orang** ke Lahad Datu, Sabah untuk **berkuasa kemanusiaan**.



Tarikh akhir untuk penceroboh meninggalkan Sabah terak **luput**, tetapi rundingan masih lagi dijalankan.



Kerajaan Malaysia teruskan usaha rundingan tetapi Jamalul desak berunding dengan adik beliau untuk **180** militan meninggalkan Sabah.

2 anggota polis, ASP Zulkifli Mamat dan Sgt Sabarudin Daud **terbunuh** dan **3** lagi **tercedera** dalam tembak-menembak di Kg. Tanduo.

6 anggota **terbunuh** dalam serangan hendap penceroboh di Semporna. **6** orang penceroboh ditembak **mati**.

Bantuan unit keselamatan tiba bagi menyelamatkan **19** lagi anggota yang **terselamat**.

Kerajaan Filipina dan Malaysia terus mendesak untek mencari jalan penyelesaian terhadap konflik dengan cara aman.

7 pagi: Perintah **sewangan besar-besaran** dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia. **8 pagi**: PM berucap bahawa kerajaan Malaysia akan melakukan apa sahaja bagi memelihara keamanan dan kedaulatan negara.





Unit tentera dan pasukan pengempur mengambil kedudukan menunggu arahan untuk menyerang



PGA membuat kepungat ketat dalam lingkungan 500 m dari milian

Raja Muda Azzimudie berkrar enggan menyerah diri



Kg Terdao

anggota milisan terputus bekalan makanan



laluan laut di tutup sepenuhnya oleh TLDM dan Polis Marin

INSIDEN PENCEROBOHAN LAHAD DATU PART 3

<http://malaysiaislamii.blogspot.com>



Gambar 1 Tokoh menerima sumbangan daripada Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak ketika Majlis Sumbangan Tabung Lahad Datu oleh Media Prima di Ulu Kinta, Perak .



Gambar 2 Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein melawat tokoh di Hospital Duchess of Kent di Sandakan.



Gambar 3 Tokoh bersama rakan sepasukan.



Gambar 4 Tokoh bersama rakan baik



Gambar 5 Tokoh bersiap sedia menjalankan tugas



Gambar 6 Tokoh ketika zaman kanak-kanak



Gambar 7 Keluarga tokoh



Gambar 8 Adik beradik tokoh



Gambar 9 Penemuramah bersama tokoh



Gambar 10 Penemuramah menyerahkan cenderamata kepada tokoh